

Penyelenggaraan bangunan bukan l

BH M/S 10 3.5.07

Oleh Azrul Affandi Sobry

ENTAH di mana silapnya, tetapi boleh dikatakan kelemahan ini perlu segera diatasi apabila tidak sampai sebulan, tiga bangunan kerajaan mengalami kerosakan serius dan jika tidak ditangani boleh mendatangkan risiko kepada pengguna mahupun kakitangan berkhidmat di jabatan terbabit.

Setakat ini belum ada kes kemalangan membabitkan individu dilaporkan kerana kebetulannya beberapa siri kejadian itu berlaku ketika tiada sesiapa di bangunan atau sempat disedari pekerja dan keadaan terkawal.

Bayangkan, jika ia berlaku ketika ramai pelanggan berurusan dan gagal disedari segera, entah apa yang akan menimpa dan pastinya kegemparan dan kekecohan berpanjangan berlaku. Bermulalah episod salah-menyalah, tuding-menuding dan pelbagai alasan akan dirangka pihak terbabit untuk mengelakkan diri daripada terus menjadi sasaran persoalan.

Dalam tempoh tiga minggu saja, tiga kejadian siling runtuh di bangunan kerajaan berlaku sehingga menjejaskan operasi jabatan terbabit dan menimbulkan ke-

sukaran banyak pihak untuk menjalankan urusan membabitkan agensi berkenaan.

Bermula dengan kejadian pada 11 April lalu membabitkan Kompleks Ibu Pejabat Jabatan Imigresen di Presint 2, Putrajaya apabila ia terpaksa ditutup kerana bangunan tujuh tingkat menempatkan pelbagai cawangan jabatan itu dilimpahi air berikutan kebocoran paip di aras tujuh.

Berikutan kejadian itu, 650 pegawai dan kakitangan Imigresen diarah meninggalkan bangunan, manakala 1,000 orang menunggu untuk berurusan diminta ke cawangan lain. Seramai 150 tahanan warga asing di lokap Imigresen di tingkat bawah bangunan itu juga dipindahkan ke Depot Tahanan Imigresen di Semenyih dan Depot Tahanan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Menyusul selepas itu, pada 28 April siling Dewan Serba guna Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) runtuh selepas paip perenjis air dipasang di siling pecah. Dalam kejadian itu, hampir semua kepingan siling runtuh, termasuk kerangka keluli menjadi pengikat siling plaster yang menghiasi dewan itu runtuh.

Dalam kejadian terbaru, beberapa siling di bilik Setiausaha Mahkamah Tinggi Sipil

6, di Kompleks Mahkamah Jalan Duta yang baru siap dan belum digunakan runtuh. Kejadian itu mungkin menyebabkan operasi kompleks mahkamah yang dijadualkan bermula hari ini ditangguhkan sementara menunggu kerja baik pulih dan pemeriksaan menyeluruh dilakukan.

Itulah hakikatnya, rosak, siasat dan baik. Namun, selang beberapa lama, masalah seakan sama di tempat lain pula berlaku. Di mana silapnya? Kos memperbaiki kerosakan itu pastinya tinggi dan perlu dilakukan segera kerana boleh menjejaskan perkhidmatan sektor awam. Tetapi, kenapa ia berulang dan bagai satu peribahasa, sudah terhantuk baru terngadah.

Fenomena sama ini kerap berlaku. Apabila berlaku sesuatu kejadian, menggela-bah dan melatah sana sini menyalahkan orang lain sedangkan salah sendiri enggan diakui. Jika diimbau, bukan sekali dua berlaku, malah boleh dikatakan kerosakan bangunan kerajaan perkara biasa dan bukan satu kejutan kepada masyarakat.

Tanya saja di mana-mana daerah atau kawasan, pasti ada masalah kerosakan daripada yang kecil sehingga sebesar bangunan di Putrajaya. Dinding sekolah retak, jalan berlubang dan macam-macam lagi.

kerja remeh

Namun, kali ini nampaknya nada dilontarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agak lantang dan berisi kemarahannya. Dalam panjang lebar keluhannya, isi utama cuba disampaikan dan berkali-kali diingatkan adalah soal penyelenggaraan. Malah, perkataan itu diulang berkali-kali dalam kenyataannya kepada media, baru-baru ini. Kemarahan dilontarkan Abdullah ada kebenarannya kerana perlu diakui bahawa soal penyelenggaraan sering dianggap remeh oleh pihak berwajib dan ia punca utama kerosakan boleh terjadi.

Antara kenyataannya perlu direnung dan diberi perhatian serius ialah – “Penyelenggaraan amat penting. Penyelenggaraan... penyelenggaraan. Sudah berulang kali saya katakan mengenai pentingnya penyelenggaraan, tetapi orang kita, selagi tak jadi apa-apa, mereka tidak kisah.” Dalam kenyataan itu jelas menunjukkan kekecewaan beliau terhadap sikap acuh tidak acuh pihak bertanggungjawab untuk memastikan soal penyelenggaraan terus diberi perhatian dan diberi keutamaan.

Malah, soal penyelenggaraan bukanlah perkara baru ditekankan beliau kerana pada 19 Februari 2006 ketika memberi ucapan di Kuching, Sarawak, Abdullah meluahkan kekesalan kerana banyak projek pembangunan kerajaan rosak dan tidak dapat digunakan dengan sempurna dan meminta semua pihak lebih bertanggungjawab dalam aspek penyelenggaraan.

Katanya, banyak bangunan sama ada menggunakan peruntukan kerajaan negeri atau Persekutuan, tidak diselenggara dengan baik dan terpaksa dibaik pulih sehingga menyebabkan pembaziran. Masalah itu berlaku akibat kelemahan kerajaan, swasta dan rakyat yang tidak dapat mengesan kerosakan sejak awal kerana tiada pendedahan dan pendidikan mengenai kaedah pengesanan kerosakan serta penguurusan penyelenggaraan.

Sehubungan itu, beliau meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) menyediakan garis panduan bagi mengesan kerosakan, sekali gus memudahkan kerja membaiki dan penyelenggaraan dilaksanakan segera.

“Kerajaan kerugian berbilion-bilion ringgit bagi membiayai kos baik pulih kemudahan rosak ini. Puncanya kelewatan membaiki kerosakan pada peringkat awal. Kerajaan keluarkan banyak perbelanjaan membina bangunan, tetapi apa yang saya lihat di merata-rata tempat, bila bangunan siap, penjagaannya tidak rapi dan kadangkala langsung terbiar,” katanya.

Jika perkataan sama pernah disebut lebih setahun lalu dan kini Perdana Menteri mengulanginya kembali, ia jelas menggambarkan sesuatu perlu dilakukan pihak terbabit untuk memastikan ia tidak disebut lagi pada kali ketiga. Jangan sampai ‘pisang berbuah tiga kali’.